

17 Julai, 1981

Tun Hussein mula hidup sebagai pesara

**KUALA LUMPUR, Kha-
mis** — Tun Hussein Onn
memulakan hidup
sebagai seorang pesara
hari ini setelah menjadi
Perdana Menteri lima ta-
hun setengah dan lima
tahun lagi sebagai men-
teri.

Menurut Perdana
Menteri baru, Datuk Seri
Dr. Mahathir Mohamad
yang menjawab per-
tanyaan pemberita, gan-
jaran persaraan bagi
Tun Hussein dijadikan
perkara rasmi dan akan
juga diberikan kepada
semua Perdana Menteri
yang bersara.

Dari segi pencen,
berdasarkan tempoh
perkhidmatannya Tun
Hussein dijangka layak
menerima pencen
maksima iaitu setengah
dari gaji terakhirnya.

Ini berdasarkan per-
kiraan di bawah Jadual
Pertama Akta Ahli
Parlimen (Saraan) (Pin-
daan) 1981.

Tunku Abdul Rahman
disediakan sebuah
motokar kerajaan,
seorang pemandu,
seorang setiausaha,
seorang kerani/juru-
tengkas, seorang
pegawai keselamatan
dan seorang pelayan pe-
jabat dan lain-lain
kemudahan. — Bernama.

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia